

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI MELAKA
DALAM PERKARA PENGGULUNGAN SYARIKAT NO: 28NCvC-25-
05/2013

PER: FARMOSA DOMAIN SDN BHD
(NO. SYARIKAT: 342278-K)

NOTIS JUALAN SECARA TENDER AWAM

Perintah Penggulungan Syarikat telah dibuat pada 6.9.2013. Dengan ini Pegawai Penerima dan Pelikuidasi Syarikat Farmosa Domain Sdn Bhd akan menjual aset yang disenaraikan dalam Jadual secara Tender Awam.

BIL	JENIS HARTA	MAKLUMAT HARTA	HARGA RIZAB
1	1 unit Kondominium (Tingkat 22)	(a) No. Lot: Lot 1605 (b) No. Hakmilik: PN 47833 (c) Mukim: Pegoh (d) Daerah: Alor Gajah (e) Luas tanah: 143.20 meter persegi (f) Pegangan: Pajak 99 tahun luput pada 18.12.2094 (g) Kawasan Rizab: Tiada (h) Kategori kegunaan tanah: Bangunan. (i) Syarat Nyata: - Untuk kondominium sahaja (j) Gadaian/Kaveat: Tiada (k) Sekatan kepentingan: - Tanah ini tidak boleh dipindahmilik atau dipajak kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan kepentingan ini dikecualikan kepada Pembeli Pertama.	RM67,500.00

1. Tawaran yang ingin dibuat hendaklah menggunakan surat tawaran di lampiran G dan dimasukkan ke dalam sampul surat. Sampul surat tersebut hendaklah dituliskan dengan **"TAWARAN UNTUK MEMBELI ASET MILIK SYARIKAT FARMOSA DOMAIN SDN BHD – LOT 1605"** pada sudut kiri sebelah atas sampul surat. Surat tawaran tersebut hendaklah dikemukakan sama ada melalui pos atau dengan tangan kepada alamat yang berikut:

Peti Tender Khas

Jabatan Insolvency Malaysia
Cawangan Melaka
Aras 12, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
MELAKA

2. Setiap tawaran hendaklah disertakan dengan wang deposit dalam bentuk draf bank/wang pos sebanyak 10% daripada harga yang ditawarkan dan hendaklah dibayar atas nama **"Ketua Pengarah Insolvency (No.Insolvency : LC001512/2013)"**

Tawaran yang tidak disertakan dengan wang deposit atau jumlah wang deposit yang tidak mencukupi akan ditolak.

3. Bagi penawar yang tidak berjaya wang deposit akan dikembalikan tanpa faedah.

4. Sekiranya penawar yang berjaya tidak menjelaskan wang baki (90%) dalam tempoh **Sembilan Puluh (90) hari** dari tarikh pemberitahuan penerimaan tawaran tersebut atau tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Pegawai Penerima dan Pelikuidasi Syarikat Farmosa Domain Sdn Bhd, maka penjualan ini dianggap terbatal dan wang deposit tersebut tidak akan dikembalikan.

5. Semua penawar dianggap telah memeriksa dan mengetahui keadaan asset tersebut dan penjualan ini secara **keadaan seperti sedia ada (as is where is basis)**.

6. Tunggakan cukai dan caj yang dikenakan sebelum tarikh Perjanjian Jual Beli akan ditanggung oleh Penjual. Segala urusan dan kos pemindahan asset termasuk kos membersihkan premis tersebut ditanggung oleh Pembeli (Penawar) yang berjaya (jika berkenaan).

7. Tawaran akan ditutup pada **20.01.2026**, jam **12.00 tengahari** dan tawaran yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan diproses.

8. Pegawai Penerima dan Pelikuidasi Syarikat Farmosa Domain Sdn Bhd tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling tinggi atau mana-mana tawaran.

9. Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) Cawangan Melaka akan mengadakan Hari Lawat Periksa untuk penawar membuat pemeriksaan aset pada ketentuan berikut:

Tarikh : **13.01.2026**
Masa : **9.00 pagi hingga 12.00 tengahari**
Lokasi : **T1/21-05 (Tingkat 22)**
Kondominium Beverly Hill Tower 1
Jalan Kemus Pulau Sebang
78000 Alor Gajah, Melaka

10. Tawaran yang berjaya akan tertakluk kepada terma dan syarat dalam perjanjian yang ditetapkan. Bagi penjualan harta tanah hendaklah mendapat kelulusan pindah milik daripada Pihak Berkuasa Negeri (jika berkenaan)

11. Sebarang pertanyaan sila hubungi Puan Ami @ Atasha Binti Hasan di nombor telefon 06-2345521 atau melalui e-mel: atasha.hasan@mdi.gov.my daripada Jabatan Insolvensi Negeri Melaka.

Bertarikh pada: 16.12.2025

Penolong Kanan Pegawai Penerima
Jabatan Insolvensi Negeri Melaka
b.p Pegawai Penerima Malaysia dan Pelikuidasi Syarikat Farmosa Domain
Sdn Bhd
[Rujukan: MdI/M/005/23/2013]

ASET UNTUK DIJUAL





Hartanah: Lot 1605 PN 47833
Jenis: Kondominium, Tingkat 22
Harga Rizab: RM67,500.00